

## RUMAH TRADISIONAL MELAYU

# Ukiran bukan sekadar hiasan

Serdang

Penerapan unsur seni ukir dalam pembinaan rumah tradisional Melayu menjadikan ia sebagai salah satu tinggalan bangsa Melayu yang paling kaya dengan nilai estetika.

Kurator Muzium Warisan Melayu (MWM) Universiti Putra Malaysia (UPM) Khairul Nishak Harun berkata, kajian dilakukan MWM mendapati binaan rumah tradisional mampu mengungkap bagaimana masyarakat terdahulu cukup me-

minati seni ukir, sekali gus menjadi bukti kehebatan mereka menghasilkan seni daripada kayu berkenaan.

Katanya, bukti nyata kewujudan pelbagai bentuk dan jenis ukiran dihasilkan menggunakan teknik berbeza seperti teknik ukiran tebuk tembus, ukiran tebuk tembus, ukiran tebuk tembus bersilat dan ukiran larik.


"Dalam menghasilkan teknik ukiran pula, kita boleh lihat kebijaksanaan tukang kayu dulu menghasilkan pola ukiran berbeza.

"Pola ukiran dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu

bentuk bujang, bentuk pemidang dan bentuk lengkap," katanya.

Menurut Khairul Nishak, dalam menghasilkan ukiran itu, masyarakat terdahulu meniru motif di sekeliling mereka seperti penghasilan motif flora dan fauna, motif kaligrafi, motif geometri dan motif alam atau kosmos.

"Setiap ukiran pula bukan sekadar hiasan indah sebaliknya ia pengenalan identiti kepada pemilik rumah dan berhubung rapat dengan konteks pencahayaan serta pengudaraan," katanya.



UKIRAN tebuk tembus



UKIRAN tebuk timbul



UKIRAN larik

## JENIS UKIRAN

## Ukiran Tebuk Tembus

- Dihasilkan dengan menebuk kepingan papan bagi membentuk ukiran
- Terdapat dua teknik menghasilkannya iaitu menerusi teknik ukiran tebuk tembus bersilat dan tebuk tembus tidak bersilat
- Istilah silat merujuk pada corak yang direka, sama ada ditimbul atau ditenggelamkan
- Ukiran tebuk tembus bersilat: corak menindih serta melengkung keluar akan ditimbulkan, manakala bahagian melengkung ke dalam serta tertindih akan ditenggelamkan
- Ukiran tebuk tembus tidak bersilat: permukaan ukiran yang rata

## Ukiran Tebuk Timbul

- Dihasilkan dengan mencungkil papan tanpa menembus bahagian permukaan
- Mengandungi bunga ukiran bersilat dan tidak bersilat
- Lazimnya dihasilkan bagi bahagian tebar layar, tiang, jendela, daun pintu, perabot serta mimbar masjid

## Ukiran Larik

- Ukiran yang biasanya dibuat pada kayu berbentuk bulat namun ada juga pada batang kayu bersegi
- Kebiasaannya dibuat pada tiang, hulu senjata, perabot, tongkat dan birai tingkap

## POLA UKIRAN

## Pola bentuk bujang

- Bersifat terasing, bebas, tidak terikat atau berkait dan tidak bersambung
- Lazimnya bermotif alam dan flora

## Pola bentuk pemidang

- Menampilkan motif pergerakan sederhana dan tidak berbelit
- Lazimnya mempunyai bingkai

## Pola bentuk lengkap

- Kombinasi ukiran bentuk bujang dan pemidang
- Antara unsur yang digunakan seperti tumbuh-tumbuhan merangkumi akar, barang, buah, dahan, daun, putik dan sulur



POLA bentuk bujang



POLA bentuk lengkap

## MOTIF UKIRAN

## Motif flora

- Gabungan tumbuhan melata dan bunga-bungaan
- Motif bunga sempaka, kecubung, cengklik, bunga cina, melur, telepuk, jejari buayam, ketamguri dan teratai
- Motif tumbuhan pula seperti paku pakis, bayam, kiambang, keladi, pucuk rebung dan salur bayung
- Lazimnya diukir pada tiang seri dan mimbar



MOTIF flora

## Motif fauna

- Menggambarkan benda bernyawa seperti naga, ular, ayam laga, badak mudik, itik, kepala cicak, kumbang, bangau dan kuda laut
- Lazimnya ditemukan pada binaan rumah masyarakat Cina namun bagi binaan masyarakat Melayu boleh ditemukan pada bahagian tertentu seperti pintu gerbang, hulu keirs, gendang dan perahu



MOTIF burung bangau yang diukir menjadi bangau perahu

## Motif kaligrafi

- Cenderung menggunakan huruf dan tulisan jawi
- Boleh ditemukan pada pintu gerbang, rumah ibadat, atas pintu rumah



MOTIF kaligrafi

## Motif geometri

- Membatikan penggunaan pola bersegi atau pola tupal
- Lazimnya dihasilkan secara bersusun atau berderet-deret seperti ukiran pada kekisi anjung



MOTIF alam (kosmos)

## Motif alam (kosmos)

- Dizahirkan melalui gambaran matahari, bulan, awan berarak, bintang, gunung-ganang dan bukit-bukit
- Sering ditemukan pada bahagian tebar layar rumah dan digabungkan dengan motif kaligrafi atau flora